

Kementerian hadkan eksport ikan

Langkah pastikan bekalan untuk rakyat cukup sepanjang musim tengkujuh

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengedahkan jumlah eksport ikan tertentu terutamanya kembung dan selar, sepanjang musim tengkujuh ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata langkah itu diambil bagi memastikan bekalan ikan sepanjang musim berkenaan iaitu antara November hingga Februari depan, mencukupi untuk kegunaan rakyat.

"Kita sudah buat persiapan. Jabatan Perikanan juga sudah hadkan beberapa jenis ikan daripada dieksport melebihi indeks tertentu seperti kembung dan selar.

"Kita akan tengok indeks (kawalan). Kita tidak akan benarkan untuk eksport (ikan) semen-

tara waktu, tetapi kalau tidak cukup kita kena import," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas lawatan persidangan akhir sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Padang A, Angsana Johor Bahru Mall di sini, semalam.

Yang turut hadir; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Salim Parlan dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Azuliya Salim.

Salahuddin berkata, pihaknya bertanggungjawab memastikan bekalan keperluan asas untuk rakyat mencukupi, namun bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam isu berkaitan harga bekalan.

Mengenai HPPNK 2019, beliau program dwi-tahunan itu sebagai usaha MOA menyediakan platform kepada peladang, penternak dan nelayan untuk meningkatkan hasil pertanian dan teknologi terkini, serta membuka peluang perniagaan kepada mereka yang berminat dengan sektor pertanian.

"Program bermula esok hingga Ahad ini menampilkan enam



Salahuddin bersama Salim (kiri) dan Azuliya meninjau persiapan terakhir sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Johor Bahru, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

kluster aktiviti termasuk makanan dan minuman, gaya hidup, kesejahteraan, hasil pertanian, agroteknologi serta pembangunan modal insan.

"Seramai 350 usahawan terlibat sepanjang ekspo ini dengan antara 60 hingga 70 peratus adalah pembabit usahawan muda," katanya yang mengesahkan sasaran kunjungan 500,000 orang dengan jangkauan pendapatan mencecah RM30 juta.

Mengenai kelainan penganjuran, Salahuddin berkata, kali ini agenda permodenan dalam pertanian, selain teknologi baharu akan diketengahkan dalam industri berkenaan.

"Kita mahu perkenalkan pemodenan dalam sektor pertanian dan makanan. Usaha itu menerusi aspek pengenalan pelbagai kaedah baharu seperti ladang terbuka dan akses penggunaan Internet of Things (IIOT) dalam pertanian.

"Antara faktor 'wow' yang terdapat pada HPPNK tahun ini adalah 13 pavilion yang mewakili setiap negeri dengan keunikan masing-masing meliputi aspek makanan, kebudayaan dan produk.

"Semestinya tarikan yang sentiasa popular adalah bahan pertanian dan produk industri asasi seperti anak pokok, buah-buahan dan sayuran segar," katanya.